

cyBerita: Lelaman Internet Berita Harian Singapura.

[Singapura](#)

FATWA BARU AGIH WANG CPF

Langkah dilihat bersifat progresif

By Linilidia Abdul Hamid

FATWA membenarkan wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) diberikan sebagai hibah dilihat sebagai satu langkah progresif yang memberi peluang kepada pencarum CPF membuat perancangan teliti bagi menjamin keperluan tanggungan mereka.

Beberapa pembaca Berita Harian berkata, fatwa itu memberi mereka pilihan untuk melaksanakan pembahagian wang CPF menurut sandaran yang lebih bermakna - secara hibah mahupun faraid.

Antara yang mengalu-alukan fatwa baru itu ialah Cik Jamilah Yusop, 56 tahun, penganjur acara dan penterjemah bebas. Beliau menganggap pencarum kini lebih berperanan menentukan siapakah yang berhak menerima peninggalan CPF mereka.

'Tidak semua waris sanggup pegang amanah dalam membahagikan harta ikut hukum faraid,' ujar ibu dua anak itu.

Encik Sadali Rasban, 51 tahun, yang telah menulis 13 buku mengenai pembahagian harta pusaka, berkata wang peninggalan pencarum CPF seharusnya dihibahkan kepada anggota keluarga demi kelangsungan hidup dan keperluan pendidikan anak-anak.

'Fatwa terkini Muis ini merupakan satu langkah ke hadapan bagi menyelesaikan masalah perebutan harta peninggalan si mati yang berlaku dalam masyarakat kita.

'Sekarang masyarakat Islam mempunyai pilihan dan panduan lebih jelas...,' kata beliau, pemilik firma konsultan pembahagian harta pusaka HTH Advisory Services Pte Ltd.

Jawatankuasa Fatwa Muis mengumumkan kelmarin bahawa pencalonan bagi wang CPF kini dianggap sebagai hibah (hadiah) dan mereka yang dicalonkan berhak menerimanya dari segi undang-undang Islam.

Sebelum ini, fatwa 1971 menganggap mereka yang dicalonkan menerima wang CPF si mati hanya sebagai pengamanah yang bertanggungjawab membahagikannya mengikut hukum faraid, walaupun tidak perlu berbuat demikian mengikut undang-undang sivil.

Cik Harlena Harni, 44 tahun, berkata membuat pencalonan lebih awal akan memudahkan wang CPF dibahagikan.

'Proses membahagikan wang melalui pengamanah awam mengambil masa dan agak leceh kerana waris perlu berurusan dengan dua pihak, pengamanah awam dan Lembaga CPF,' ujarinya, yang sudah membuat pencalonan.

Memandang ke depan, seorang eksekutif sektor swasta, Encik Zain Asad, 58 tahun, ingin Jawatankuasa Fatwa Muis turut melakukan penelitian tentang pembahagian aset dan harta lain seseorang Muslim seperti wang simpanan.

'Kita sudah ada ramai asatizah terpelajar, cendekiawan dan bijak pandai yang dapat mengupas hal ini bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini.

'Saya rasa hal ini harus diteliti kerana sudah banyak kita baca kisah-kisah perebutan dan pertelingkahan tentang

harta.

'Masa seseorang hidup, waris mungkin mengaku boleh menjalankan tanggungjawab, tapi setelah mati, adakah jaminan waris akan kotakan janjinya?' ujar bapa tiga anak perempuan itu.

Copyright © 2010 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
Privacy Statement Conditions of Access Advertise @ AsiaOne

